

# Muhyiddin didakwa bawah Akta Hasutan sentuh isu 3R

Presiden BERSATU jadi bekas PM pertama berdepan Seksyen 4(1) susulan ceramah di Nenggiri

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@bh.com.my

**Kota Bharu:** Tan Sri Muhyiddin Yassin akan didakwa di Mahkamah Sesyen Gua Musang hari ini mengikut Akta Hasutan 1948, menjadikan beliau bekas Perdana Menteri pertama dituduh mengikut peruntukan undang-undang berkenaan.

Pengerusi Perikatan Nasional (PN) dan Presiden BERSATU itu akan menghadapi pertuduhan mengikut Seksyen 4(1), susulan ceramahnya yang didakwa menyentuh isu Raja, agama dan kaum (3R) pada kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri, awal bulan ini.

Sabit kesalahan, Ahli Parlimen Pagoh itu boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.

Beliau bakal berdepan hilang jawatan wakil rakyat jika dijatuhi denda RM2,000 atau lebih atau penjara sekurang-kurangnya 12 bulan atau lebih.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain yang mengesahkan perkembangan itu, berkata kertas siasatan lengkap sudah diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara (AGC) Rabu lalu, selepas Muhyiddin selesai

memberi keterangan serta menyerahkan beberapa dokumen berkaitan kepada polis.

"Polis dapat arahan daripada AGC untuk menuduh beliau (Muhyiddin) di Mahkamah Gua Musang pagi esok (hari ini) di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948," katanya ringkas.

Pengerusi BERSATU Kelantan, Datuk Kamaruddin Md Noor ketika dihubungi semalam, mengesahkan perkara sama.

"Tan Sri Muhyiddin akan didakwa esok (hari ini) di Mahkamah Sesyen Gua Musang berhubung ceramahnya di PRK Nenggiri," katanya.

## Persoal pelantikan PM

Sementara itu, sistem e-Filing Mahkamah Persekutuan Malaysia memaklumkan sesi pendengaran kes berkenaan bermula jam 9 pagi di hadapan Hakim Nik Mohd Tarmizie Nik Mohd Shukri.

Selain Akta Hasutan, Presiden BERSATU itu juga disiasat mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Seksyen 504 Kanun Keseksaan.

Dalam video tersebut, Muhyiddin yang berucap di sebuah ceramah di FELDA Perasu pada 15 Ogos yang dikatakan mempersoalkan keputusan Yang di-Pertuan Agong ke-16,

"Tan Sri Muhyiddin akan didakwa esok (hari ini) di Mahkamah Sesyen Gua Musang berhubung ceramahnya di PRK Nenggiri, baru-baru ini"

Razarudin Husain,  
Ketua Polis Negara

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah melantik Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri selepas Pilihan Raya Umum Ke-15.

Polis menerima lebih 29 laporan pelbagai pihak berhubung ucapan Muhyiddin itu yang tular di media sosial.

Pada 19 Ogos, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah menzahirkan kemurkaan dan rasa amat terkilan atas tindakan Muhyiddin yang dilihat baginda secara sengaja dan sinis memperlekeh dan mempertikaikan tugas Al-Sultan Abdullah.

Rabu lalu, Muhyiddin menyerahkan beberapa dokumen kepada polis sepanjang tempoh sejam memberi keterangan di pejabatnya di bangunan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) di ibu negara.

Dalam kenyataan media kemudian, beliau berkata, dokumen itu adalah dua surat daripada Yang Dipertua Dewan Rakyat bertarikh 20 November 2022 yang mengandungi titah perintah Yang di-Pertuan Agong Ke-16.

Titah berkenaan, katanya, meminta mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang mendapat sokongan majoriti Ahli Dewan Rakyat yang lain untuk menjadi Per-

dana Menteri, menghantar Aduan Berkanun kepada Istana Negara selewat-lewatnya 21 November 2022 sebelum jam 2 petang.

Dokumen kedua adalah 114 Aduan Berkanun Ahli Dewan Rakyat yang memberikan kepercayaan kepadanya untuk dilantik sebagai Perdana Menteri yang diserahkan kepada Istana Negara pada 21 November 2022, jam 1.28 tengah hari.

Satu lagi, Aduan Berkanun yang diserahkan kepada Istana Negara pada 22 November 2022.

## Serah aduan sumpah

Turut diserahkan kepada polis, Surat Aduan Penerimaan Aduan Berkanun daripada Setiausaha Sulit Kanan Yang di-Pertuan Agong Ke-16, Kolonel (B) Datuk Nazim Mohd Alim, bertarikh 21 November 2022 yang mengesahkan menerima dokumen-dokumen berkaitan.

Muhyiddin juga meminta semua pihak tidak mempersoalkan kesetiannya kepada institusi Raja Berperlembagaan dan menegaskan sebagai rakyat biasa, beliau bernaung di bawah kebesaran dan kemuliaan Raja-Raja Melayu.

Bekas Perdana Menteri itu mendakwa ada pihak memutarbelit ucapannya termasuk menyunting video ucapan berkenaan dengan niat untuk memfitnah, kononnya beliau menghina Yang di-Pertuan Agong Ke-16 dan menghasut rakyat supaya membenci Raja.

Dakwanya lagi, apa yang disebut dalam ucapan terbabit hanyalah fakta yang menjadi sebahagian daripada rekod sejarah dan tiada, sepatah perkataan menghina Raja atau mempertikai keputusan Yang di-Pertuan Agong pada masa itu.

